

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]**

**TARIKH : 11 JUN 2015 [ KHAMIS ]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) jumlah kos yang terlibat untuk Pilihan Raya Kecil Parlimen Permatang Pauh dan Parlimen Rompin berdasarkan setiap Jabatan dan agensi Kerajaan yang terlibat; dan
- (b) jumlah anggota Polis Diraja Malaysia, Pegawai SPR dan semua pegawai yang terlibat dalam kedua-dua Pilihan Raya Kecil.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah peruntukan yang diluluskan bagi menjalankan Pilihan Raya Kecil P.044 Permatang Pauh dan P.091 Rompin yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) dan jumlah petugas SPR yang terlibat dalam kedua-dua PRK tersebut adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>PILIHAN RAYA KECIL</b>	<b>PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN</b>	<b>JUMLAH PETUGAS SPR</b>
i.	P.044 Permatang Pauh	RM 1,973,816.00	1,110
ii.	P.091 Rompin	RM1,917,933.00	987

Sekian. Terima kasih.